

11 NOV 1999

PEMUDA BN BUKA SEKRETARIAT PILIHAN RAYA DI TINGKAT 37 PWTC

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Barisan Nasional mula menggerakkan sekretariat jentera pilihan raya umumnya di tingkat 37, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, malam ini.

Bertempat di ibu pejabat Pergerakan Pemuda Umno, sekretariat itu akan memantau keadaan di kesemua 193 kawasan Parlimen.

Timbalan pengerusi Pemuda BN, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata sekretariat itu beroperasi 24 jam sehari sehingga hari pengundian dan ia akan dikelolakan oleh antara 30 dan 40 petugas.

Katanya, jentera pilihanraya umum pergerakan pemuda BN akan dilancarkan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini.

Dewan Rakyat dibubarkan hari ini bagi memberi laluan kepada pilihan raya umum ke-10 diadakan.

--BERNAMA

ARA RI